

Headline	PENJELASAN HARUSSANI		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,10	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	498 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Syed Azwan Syed Ali syedazwa n@bh	AdValue	RM 17,101
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,303

**SUSULAN BH BONGKAR ISU KHIDMAT UPAH HAJI MURAH**

# Ejen di Makkah tawar upah RM670

» *Harga rendah tak mampu tampung kos*

Oleh Syed Azwan Syed Ali

syedazwan@bh.com.my

## ► Makkah

**A**da pihak di Makkah didakwa bertindak sebagai ejen mengumpulkan senarai pemohon badal haji dari Malaysia dan Indonesia sebelum menawarkan upah serendah 600 riyal (RM670) kepada pelaksana badal haji yang sanggup menerima upah rendah.

Ejen badal haji dari dua negara terbabit mempunyai hubungan dengan individu tertentu di Makkah, yang mana senarai nama mereka yang mahu membuat badal haji diserahkan padanya untuk 'urusan lanjut' di Tanah Suci itu.

Bagaimanapun, pemastautin Makkah yang biasa dengan urusan berkenaan meragui upah serendah itu kerana ia tidak pun berbaloi dengan kos yang ditanggung pelaksanaannya yang biasa.

Pendedahan itu dibuat seorang pemastautin di Makkah kepada wartawan *BH* yang berada di Tanah Suci minggu lalu, ketika banyak pihak termasuk Tabung Haji mempertikaikan sama ada ia boleh dilakukan pada harga upah serendah itu.

## Tak cukup tampung kos

Upah serendah itu tidak mencukupi bagi menampung kos minimum pengangkutan, khemah di Mina, makan minum dan urusan berkaitan yang dianggarkan mencecah 1,000 riyal (RM1,110).

Penduduk Makkah yang hanya mahu dikenali sebagai Mu-

hammad mendakwa individu yang menerima senarai nama pemohon badal haji dari ejen di negara asal itu juga mengenakan bayaran antara 1,000 riyal hingga 1,200 riyal bagi setiap individu.

"Memang ada berlaku penyelewengan. (Dengan bayaran 600 riyal hingga 700 riyal) tidak tentu (pelaksana) akan menuaikan badal haji," katanya yang turut mengambil upah haji pada setiap musim haji.

Wartawan *BH* berada di Makkah selama lima hari bermula 10 Februari lalu untuk menyiasat dakwaan penipuan badal haji, selain memeriksa kos anggaran minimum mengerjakan badal haji lebih-lebih lagi ketika nilai ringgit menurun pada masa ini.

Ini berikutan kebimbangan ramai pihak mengenai tawaran upah haji serendah RM1,500 yang didakwa menggunakan khidmat pelajar Malaysia di Arab Saudi sebagai pelaksana badal haji, tanpa sebarang pemantauan.

Semalam Persatuan Pelajar Malaysia Makkah (PPMM) dan Persatuan Mahasiswa Malaysia Arab Saudi (MADINAH) menafikan ada pelajar Malaysia yang mengambil upah serendah RM1,500, malah menyifatkan dakwaan itu sebagai satu penipuan.

Muhammad berkata sebahagian penduduk Makkah melaksanakan badal haji tanpa membayar tasrih atau lesen

melalui muassasah bagi mengurangkan kos, namun mereka masih perlu mengeluarkan kos pengangkutan, makan minum dan sewa khemah.

"Paling sikit upah saya ambil RM2,500. Kalau RM1,500 memang tak logik sebab sini banyak bayaran untuk buat badal haji," katanya menjelaskan badal haji yang hanya boleh dilakukan sekali setahun dan antara sumber pendapatan penduduk Makkah.

Pemastautin di Makkah juga perlu membayar 5,000 riyal (RM5,600) setiap tahun kepada Kerajaan Arab Saudi untuk permit kerja.

## Gesa pantau iklan

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Maamor Osman, menggesa pihak berkuasa dan orang ramai bekerjasama memantau iklan khidmat badal haji yang meragukan bagi memastikan tiada pihak ditipu.

Beliau juga menyarankan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Lembaga Tabung Haji (TH) dan majlis agama Islam negeri mengeluarkan garis panduan khusus, termasuk anggaran kos pelaksanaan badal haji sebagai rujukan masyarakat.

"Mereka juga boleh mewujudkan talian hotline khas sebagai rujukan orang ramai," katanya meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) memantau iklan badal haji mencurigakan.

Headline	PENJELASAN HARUSSANI		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,10	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	498 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Syed Azwan Syed Ali syedazwa n@bh	AdValue	RM 17,101
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,303

⊙ RM1,500 SEORANG  
bayaran ditawarkan ejen tidak berdaftar

⊙ RM2,250 SEORANG  
angsuran kos minimum  
untuk urus badal haji

**KHIDMAT UPAH HAJI TIPU**

// TAWARAN KHIDMAT BADAL HAJI BAYARAN RENDAH diiktirafkan sekitar surau, masjid di negara...  
...kan keraguan dengan Tabung Haji

BH BONGKAI

Keratan **akhbar BH** Isnin lalu.